

Soalan Lazim Bantuan Rakyat Negeri Terengganu

1. Siapakah yang layak memohon?

Jawapan :

- Rakyat Terengganu atau Pemastautin yang tinggal sekurang-kurangnya 10 tahun di Negeri Terengganu.
- Pemilih yang berdaftar di Negeri Terengganu.
- Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sebagaimana di menu Syarat Kelayakan.

2. Bagaimanakah cara memohon di atas talian sebab saya tidak tahu menggunakan komputer?

Jawapan :

- Bagi yang tahu menggunakan komputer, boleh membuat permohonan secara atas talian dengan melayari internet dengan membuka Portal Negeri Terengganu pada pautan **iDANATTB** (<http://danattb.terengganu.gov.my>).
- Bagi yang tidak pandai menggunakan komputer, bolehlah pergi ke Pusat Bestari.com yang berdekatan di DUN masing-masing.
- Permohonan ini melibatkan permohonan baru sahaja, iaitu yang tidak pernah memohon pada tahun 2014 atau yang gagal pada tahun 2014 atau yang telah bertukar kategori (cth : Bujang kepada berkahwin)

3. Saya telah membuat semakan menggunakan No Kad Pengenalan saya di bahagian permohonan online, namun begitu dinyatakan di situ "Permohonan Anda Sedang Diproses". Apakah maksud kenyataan tersebut ?

Jawapan :

- Kenyataan tersebut memberi maksud bahawa anda telah membuat permohonan sebelum ini atau anda merupakan pemohon yang layak 2014.

4. Saya merupakan pemohon yang telah layak pada 2014, setelah semakan dibuat di bahagian permohonan online didapati maklumat saya tidak tepat. Bagaimanakah cara saya untuk mengemaskini maklumat berkenaan ?

Jawapan :

- Untuk mengemaskini maklumat, anda boleh berhubung dengan Pejabat Penyelaras DUN/ Pejabat Daerah sebagaimana anda daftarkan.

5. Apakah syarat-syarat untuk memohon?

Jawapan :

- Rujuk di menu Syarat Kelayakan bagi syarat-syarat kelayakan bantuan mengikut kategori.

6. Bolehkah saya memohon sekiranya saya tinggal di luar Terengganu?

Jawapan :

- Boleh tetapi mesti ada berdaftar sebagai pemilih di negeri Terengganu.
- Menggunakan alamat kediaman di negeri Terengganu.

7. Bolehkah suami dan isteri yang warga emas memohon berasingan?

Jawapan :

- Boleh membuat permohonan yang berasingan.

8. Saya seorang bujang yang berumur 41 tahun, apakah permohonan dana yang layak bagi saya ?

Jawapan :

- Boleh membuat permohonan bagi kategori Pendapatan Rendah/Miskin dengan syarat memenuhi kelayakan yang telah ditetapkan sebagaimana menu Syarat Kelayakan.

9. Suami saya bukan pengundi yang berdaftar di Terengganu sedangkan saya ialah pengundi yang berdaftar di Terengganu, bagaimanakah cara bagi saya memohon?

Jawapan :

- Anda dinasihakan memohon pasangan yang berdaftar sebagai pengundi di negeri Terengganu.

10. Saya mempunyai anak yang kurang upaya (OKU) tetapi anak saya tiada sijil pengesahan daripada mana-mana hospital. Adakah saya layak memohon bagi pihak anak saya?

Jawapan :

- Anak layak memohon dengan pengesahan daripada JKKK Kawasan.

11. Bolehkah saya memohon bagi pihak suami saya yang berada dalam tahanan?

Jawapan :

- Boleh kerana anda dikira sebagai Ketua Isi Rumah.

12. Apakah langkah seterusnya selepas saya memohon di atas talian?

Jawapan :

- Pemohon dikehendaki mencetak dan menyerahkan borang permohonan dan salinan dokumen yang diperlukan kepada Pengerusi JKKK. Sila dapatkan slip Akuan Terima daripada Pengerusi JKKK.
- Slip Akuan Terima yang telah disahkan ini hendaklah disimpan oleh pemohon untuk rujukan.

13. Sekiranya saya tersilap memilih kategori bantuan, adakah saya boleh membatalkan permohonan tersebut dan memohon yang baru?

Jawapan :

- Boleh. Pemohon perlu menghubungi Pejabat Daerah/Pejabat Penyelaras DUN berdasarkan borang permohonan yang didaftarkan oleh pemohon.

14. Sekiranya saya bukan warga emas dan sudah berkahwin tetapi tidak mempunyai tanggungan, bolehkah saya memohon?

Jawapan :

- Boleh dengan syarat masukkan nama pasangan sebagai tanggungan.

15. Saya tinggal di kampung/DUN yang lain tetapi saya telah memohon di kampung/DUN selain daripada tempat tinggal saya, adakah permohonan saya akan ditolak?

Jawapan :

- Permohonan tidak akan ditolak jika sekiranya mendapat pengesahan daripada Pengerusi JKKK di kampung/DUN yang dipohon.